

60 alumni kakitangan UMS jayakan Majlis Bersama Pihak Pengurusan Universiti

UB 11-P-2018 B3

KOTA KINABALU: Majlis Bersama Pihak Pengurusan Universiti dengan Semua Alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang berkhidmat di universiti itu berlangsung dengan jayanya baru-baru ini.

Seramai kira-kira 60 hadir dalam majlis yang diadakan di Dewan Auditorium Pascasiswazah berkenaan, di mana program merupakan inisiatif Pusat Alumni UMS.

Penganjuran program itu antara lain bertujuan untuk membincangkan hala tuju alumni UMS dan mendapatkan maklumat serta perkongsian info bagaimana meningkatkan lagi hubungan alumni dengan alma mater.

Di samping itu, ia juga sebagai usaha untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara pihak pengurusan dengan alumni.

Sementara itu ketika berucap pada majlis tersebut, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Prof. Dr. Ismail Ali menggesa agar setiap alumni staf UMS aktif dalam menarik alumni yang lain untuk turut sama dalam setiap aktiviti.

“Banyak manfaat boleh diperoleh melalui penglibatan dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan.


“Di samping memperoleh input-input baru dan terkini, setiap aktiviti yang diadakan juga sentiasa memberi ruang dan peluang untuk para alumni membina jaringan kerjasama antara

satu sama lain mengikut bidang dan keperluan masing-masing,” katanya.

Pada majlis itu, Prof. Dr. Ismail turut mengumumkan cadangan penubuhan sebuah chapter alumni khas untuk alumni yang berkhidmat dengan UMS.

Turut diadakan sesi soal jawab bersama Pengarah Pusat Alumni UMS, Darwis Awang.

PROF. Dr. Ismail menyampaikan ucapan aluan dan perkongsian tentang hala tuju Alumni UMS.



(Gambar atas) SESI soal jawab bersama Pengarah Pusat Alumni, Darwis Awang.

(Gambar bawah) ANTARA alumni kakitangan UMS yang hadir.

